

PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKELOMPOK BAGI PELAJAR- PELAJAR KOLEJ KOMUNITI

Taklimat Kepada Pelajar – Pelajar Kolej Komuniti Di Seluruh Malaysia – 2024/2025

Bagi Pelajar Sesi
Kemasukkan
July/Ogos 2024



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



Penyedia Takaful



**PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKELOMPOK INI
DISEDIAKAN OLEH**

ETIQA TAKAFUL

KEPADA SEMUA PELAJAR-PELAJAR YANG BERDAFTAR

**DENGAN MANA-MANA KOLEJ KOMUNITI
(UTAMA/CAWANGAN)**

YANG MENYERTAI PELAN INI

MULAI JULAI 2024

PELAN TAKAFUL BERKELOMPOK

“PELAN PERLINDUNGAN YANG DISEDIAKAN”

i) Group Term Life (GTL) +

ii) Group Personal Accident (GPA)

Menyediakan Perlindungan 24 Jam Sehari Di Seluruh
Dunia Kepada Pelajar-pelajar Kolej Komuniti
Seandainya Berlaku Kematian Atau Kecacatan Kekal.

*(Tertakluk kepada terma-terma & syarat-syarat yang terkandung
di dalam dokumen polisi)*

Pelajar juga layak untuk menuntut manfaat sampingan yang
disediakan

INFO KORPORAT BERKAITAN ETIQA TAKAFUL

- ❑ Etiqa Takaful Diperbadankan pada 19 November 1993 sebagai Syarikat Takaful kedua di Malaysia (Dahulunya dikenali sebagai Takaful Nasional Sdn Bhd)
- ❑ Etiqa Takaful merupakan ahli Kumpulan Maybank (70% saham dimiliki oleh Maybank manakala 30% oleh Syarikat Korporat Antarabangsa)
- ❑ Etiqa Takaful – Pelan Perlindungan Berlandaskan Konsep Syariah
- ❑ Etiqa Insurance – Pelan Perlindungan Berkonsepkan Konvensional
- ❑ Etiqa Takaful merupakan Peneraju Penyedia Takaful di Malaysia dengan menguasai > 40% pasaran takaful negara.
- ❑ Tahun 2018 – Selaras dengan Akta IFSA 2013 (BNM), Etiqa dipecahkan kepada 4 entiti iaitu :-
 - 1) Etiqa General Takaful Berhad
 - 2) Etiqa Family Takaful Berhad
 - 3) Etiqa General Insurance Berhad
 - 4) Etiqa Life Insurance Berhad

Website : www.etiqa.com.my

STRUKTUR PELAN PERLINDUNGAN

- **PEMEGANG POLISI** : KOLEJ KOMUNITI (POLISI INDUK)
- **PENANGGUNG TAKAFUL** : ETIQA GENERAL TAKAFUL BERHAD / ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD
- **JENIS POLISI** : GROUP TERM LIFE & PERSONAL ACCIDENT
- **ORANG YANG DILINDUNGI** : PELAJAR-PELAJAR BERDAFTAR KOLEJ KOMUNITI BAGI SESI JULAI 2024
- **TEMPOH PERLINDUNGAN** : 29 JULAI 2024 – 28 JULAI 2025
- **PREMIUM SETIAP PELAJAR** : RM35.00 SETAHUN
- **MANFAAT PERLINDUNGAN** : SEPERTI DI DALAM SLIDE SELANJUTNYA
-

Manfaat Perlindungan yang disediakan adalah seperti berikut :

No	Skop Perlindungan	Amaun Perlindungan (RM)
1	Kematian Biasa (Akibat Penyakit)	10,000.00
2	Kematian Akibat Kemalangan	20,000.00
3	Keilangan Kekal Menyeluruh Biasa (Akibat Penyakit)	10,000.00
4	Keilangan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan	40,000.00
5	Keilangan Separa Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan (Tertakluk Kepada Jadual Manfaat)	40,000.00
6	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan (Maksimum setahun)	3,000.00
7	Belanja Pengekebumian (penyakit/kemalangan)	2,000.00
8	Manfaat Wad Hospital Akibat Kemalangan – Maksimum 30 hari dalam setahun	RM50.00/hari
9	Pampasan “Rape Trauma”	RM1,000.00
10	”Dengue Recuperation”	RM500.00

PROSEDUR MEMBUAT TUNTUTAN

- Langkah 1- Rujuk skop diatas samaada pelajar layak tuntutan atau tidak. Apa yang ingin dituntut oleh pelajar adalah berkaitan dengan skop diatas. Contohnya, untuk manfaat No. 6, pelajar mesti mempunyai Resit Asal dan dokumen sokongan lain seperti yang dinyatakan di belakang borang tuntutan.
- Langkah 2- Dapatkan Borang Tuntutan di pejabat Unit Hal Ehwal Pelajar Kolej Komuniti (jika layak untuk membuat tuntutan). Lengkapi borang tuntutan (**hanya dibahagian Laporan Perubatan**) dan lampirkan dokumen-dokumen yang berkaitan. *(sila rujuk senarai semak dokumen yang dilampirkan bersama-sama borang tuntutan).*
- Langkah 3- Serahkan Laporan Perubatan berserta dokumen lengkap kepada Unit Hal Ehwal Pelajar Kolej Komuniti masing-masing.
- Langkah 4- Pihak Kolej Komuniti akan menghubungi pelajar/waris pelajar setelah pembayaran pampasan berjaya di 'Auto Credit' ke dalam akaun penuntut/waris oleh pihak Etiqa Takaful.

7 *Nota : sila rujuk sample borang tuntutan yang terbaru dengan Pegawai Penyelaras Insurans*

DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA MEMBUAT TUNTUTAN

Sila Rujuk “senarai semak” di muka surat terakhir borang tuntutan

- Nota 1: Bagi belanja perubatan dan elaun harian wad hospital (akibat kemalangan) boleh dituntut walaupun bagi kes-kes yang tidak melibatkan kematian atau keilangan/cacat kekal.
- Nota 2 : Kos bayaran perubatan yang boleh dituntut oleh pelajar adalah berdasarkan kos sebenar. Contohnya jika kos perubatan hanya RM10.00. Maka jumlah yang layak dituntut ialah RM10.00 sahaja.
- Nota 3 : Sijil cuti sakit @ MC tidak layak menuntut sebarang manfaat kerana manfaat ini tiada dalam skop perlindungan ini.
- Nota 4 : Sila kemukakan salinan “discharge note” jika pelajar ingin menuntut elaun wad @ RM50.00 sehari (akibat kemalangan sahaja)
- Nota 5 : Bagi kos “inplant” contohnya membeli skru/alat yang dimasukkan kedalam anggota badan, pastikan RESIT ASAL serta INVOICE/ BILL dari pembekal barangan tersebut dikemukakan.
- Nota 6 : Kos bagi pembelian/penyewaan barangan luaran seperti tongkat/ ‘wheel chair’ dsb tidak layak menuntut manfaat perubatan.

Penerangan Tambahan

- **SLIDE NO 3 (Rujuk Slide No 3 Taklimat Kepada Pelajar)**

Jenis perlindungan/polisi yang disediakan ini merupakan gabungan dua polisi iaitu 1) “Group Personal Accident – GPA” dan 2) “Group Term Life – GTL”

- **GPA (Polisi kemalangan diri)**

Pelan perlindungan kemalangan diri yang melindungi pelajar dari risiko kematian/cacat kekal akibat kemalangan samada kemalangan jalanraya atau kemalangan bukan jalanraya. Contoh kemalangan bukan jalanraya ialah seperti terjatuh longkang, kemalangan sewaktu dibengkel, keracunan makanan, disengat/dipatuk binatang dan kemalangan semasa bersukan (kecuali aktiviti sukan yang merbahaya seperti lumba motor/kereta, panjat gunung dsb).

- **GTL (Polisi “term life”)**

Pelan perlindungan diri yang melindungi pelajar dari risiko kematian/ cacat kekal akibat penyakit.

Penerangan Tambahan

- **SLIDE NO 6 (Rujuk Slide No 6 taklimat kepada Pelajar)**
(Pelajar boleh merujuk kepada Risalah Takaful yang diberikan)

- **Skop/manfaat Perlindungan**

Definisi

- | | | |
|---|-------------------------------------|--|
| 1 | Kematian biasa - | Kematian yang disebabkan oleh penyakit |
| 2 | Keilatan Kekal
Menyeluruh biasa- | Cacat kekal akibat penyakit |

Contoh : Lumpuh atau kedua-dua belah kaki dipotong disebabkan oleh kencing manis

Nota : cacat kekal menyeluruh merujuk kepada kecatatan yang berkekalan yang menyebabkan pelajar itu terlantar atau tidak dapat melakukan apa jua aktiviti dan tertakluk kepada pengesahan doktor yang merawat.

- | | | |
|---|--|---|
| 3 | Kematian akibat -
kemalangan | Kematian yang disebabkan oleh kemalangan samada kemalangan jalanraya atau lain-lain kemalangan. |
| 4 | Keilatan Kekal Menyeluruh -
akibat kemalangan | Cacat menyeluruh yang berpunca dari kemalangan |

Penerangan Tambahan

- 5 Keilatan Separa Kekal akibat - Kecatatan dibahagian tertentu anggota badan yang kemalangan berpunca dari kemalangan. Layak menuntut RM40,000 (**bergantung kepada jadual manfaat seperti didalam risalah pelajar dan tertakluk kepada pengesahan doktor yang merawat bagi menentukan tahap kecacatan tersebut**)

- 6 Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan – Had maksima RM3,000 setahun. Boleh dituntut berulang kali tertakluk kepada had maksima **RM3,000 setahun** dengan mengemukakan **resit asal beserta bil perubatan/invoice** dari mana-mana klinik atau hospital.

- 7 Manfaat elaun wad hospital akibat kemalangan – Sekiranya pelajar dimasukkan ke wad hospital (hospital kerajaan/swasta), pelajar layak menuntut elaun wad harian **RM50 @ sehari** bergantung kepada berapa hari dimasukkan ke wad, tertakluk kepada had maksimum 30 hari setahun. Pelajar layak menuntut elaun ini walaupun tiada sebarang bayaran dikenakan semasa di hospital (hospital kerajaan).

Penerangan Tambahan – samb.

- | | | |
|----|-------------------------|---|
| 8 | Belanja Pengkebumian - | Manfaat pengkebumian ini dibayar bersama-sama dengan manfaat kematian |
| 9 | Pampasan “Rape Truama”– | Bayaran pampasan RM1,000 dibayar sebagai pampasan “rape trauma” |
| 10 | “Dengue Recuperation”- | Bayaran pampasan RM500.00 bagi kes demam denggi |

1. Pembayaran Tuntutan akan dibayar secara “Auto Credit” ke akaun bank. (Pembayaran Terus ke akaun pelajar/ waris pelajar bagi kes yang melibatkan kematian) Sila pastikan butiran akaun bank yang diberi adalah betul dan berstatus AKTIF.
2. **Salinan Lesen Memandu yang masih sah (ketika berlaku kemalangan) adalah dokumen WAJIB yang perlukan dikemukakan semasa membuat tuntutan kemalangan sekiranya pelajar/penuntut tersebut adalah penunggang (motosikal) atau pemandu (kereta) kenderaan terbabit.** Syarat ini merupakan syarat wajib di bawah terma “Pengecualian Polisi” yang diklasifikasikan sebagai melanggar undang-undang negara sekiranya memandu dijalanraya tanpa lesen memandu yang sah.

*Sekian, diharapkan semoga pelajar-pelajar
dapat memahami serba sedikit mengenai
pelan takaful yang disediakan oleh Pihak
Kolej Komuniti ini.
Jutaan Terima Kasih*

